



Douglas (depan) **meninjau rancangan tebatan banjir** di lembangan Sungai Muar berhampiran pintu air di Sungai Pagoh, Pagoh.

[FOTO SHAHRUL M.ZAIN/ BH]

“

Projek berkenaan siap sepenuhnya, ia berupaya **melindungi 12,500 penduduk dalam kawasan berisiko banjir** berkeluasan 123.2 kilometer persegi”

Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

Projek RM1b cegah bah

» **Rancangan Tebatan Banjir beri manfaat 12,500 penduduk**

Oleh **Azidan Nahar**
azidan@bharian.com.my

► **Muar**

Lebih RM1 bilion diperuntukkan bagi fasa pertama dan kedua projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Muar membabitkan daerah Segamat, Muar, Ledang dan Pagoh dalam usaha menangani masalah banjir di

utara Johor.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas, berkata apabila projek berkenaan siap sepenuhnya, ia berupaya melindungi 12,500 penduduk dalam kawasan berisiko banjir berkeluasan 123.2 kilometer (km) persegi itu.

Beliau berkata, fasa pertama di Segamat sudah dimulakan pada 2011 dan masih berjalan dengan kos RM344 juta, manakala fasa kedua membabitkan Muar, Ledang dan Pagoh sudah dimulakan Disember lalu dengan kos RM225 juta.

Katanya, daripada peruntukan RM225 juta itu pihaknya menerima peruntukan awal sebanyak RM30 juta bagi pelaksanaan di Pagoh yang 40 peratus sudah disiapkan terutama pembinaan benteng sungai sepanjang 9km menempatkan sembilan

pintu air dengan kos RM5 juta.

Melancar perjalanan air

“Selebihnya iaitu 12km lagi dalam proses untuk melancarkan perjalanan air dari sungai Pagoh terus ke Kuala Sungai Muar,” katanya pada sidang akhbar selepas melawat tapak menaik taraf sungai Pagoh, di sini, semalam.

Douglas berkata, selepas ini projek berkenaan akan disambung menerusi pembinaan pintasan Tanjung Olak, menaik taraf sungai dan saliran di pekan Pagoh serta pengalihan utiliti dan tanah dengan fasa kedua itu dijangka siap secara keseluruhan pada 2015.

Beliau berkata, fasa pertama dan kedua bernilai RM569 juta termasuk dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10) sementara fasa ketiga atau akhir pula membabitkan kos RM480 juta.

Mengenai fasa pertama, Douglas berkata, projek membabitkan sungai di Segamat dibahagikan kepada beberapa bahagian dengan kos RM60 juta bagi kerja reka bentuk, pengukuran, pengambilan tanah dan menaik taraf sebahagian Sungai Genuang.

“Peringkat seterusnya membabitkan RM231 juta untuk kerja menaik taraf Sungai Chodan dan Sungai Segamat selain jambatan di Sungai Genuang-Sungai Segamat termasuk membina lencongan banjir di kedua-dua sungai itu.

“Bahagian seterusnya dengan kos RM53 juta ialah membina benteng dan menaik taraf Sungai Gemas, selain membina lima kolam takungan banjir dan struktur kawalan air serta membekal dan memasang pam,” katanya.